



Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 13, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-88832511
Faks : 603-88886188

KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA INFLUENZA A(H1N1) 15 MEI 2010

Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan masyarakat bahawa penularan jangkitan Influenza A(H1N1) masih terus aktif di dalam komuniti. Penularan jangkitan ini cukup mudah berlaku di tempat di mana orang ramai berkumpul atau bersesak-sesak. Bagi mengekang penularan ini secara efektif, adalah amat penting bagi mereka yang mempunyai gejala ILI supaya TIDAK pergi ke tempat tumpuan awam sedemikian. Mereka yang mengalami gejala ILI hendaklah segera mendapatkan pemeriksaan perubatan di klinik-klinik berhampiran. Rawatan awal penting bagi mengelakkan berlakunya komplikasi dan kematian. Jika mereka yang bersimptom ini terpaksa keluar dan berhubungan dengan orang lain, mereka diminta SENTIASA memakai penutup hidung dan mulut serta mengamalkan adab batuk dan kebersihan diri yang baik. Perkara ini amat penting bagi mengelakkan penyebaran virus kepada individu sihat yang lain daripada terus berlaku. Masyarakat juga boleh membantu dengan melaporkan segera kejadian kluster ILI ke Pejabat Kesihatan Daerah berhampiran.

Mengenai aktiviti harian, sehingga jam 8:00 pagi pada 15 Mei 2010, Kementerian telah menerima empat (4) laporan kejadian kluster ILI melibatkan empat (4) buah negeri seperti di **Lampiran 1**.

Sementara itu, sehingga jam 5:30 petang 14 Mei 2010, sejumlah 19 kes disahkan Influenza A(H1N1) dilaporkan menjadikan jumlah terkumpul kes adalah 14,326. Jumlah kes ILI yang masih dirawat di dalam wad di seluruh negara adalah sebanyak 606 kes. Daripada jumlah tersebut, 80 kes (13.2%) telah disahkan positif influenza A(H1N1). Bilangan kes di ICU ialah 12 kes dengan sembilan (9) daripadanya mempunyai faktor risiko.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat terkini berkaitan Influenza A(H1N1) seperti fasiliti kesihatan kerajaan yang menyediakan kemudahan vaksinasi H1N1 kepada kumpulan berisiko, serta langkah-

langkah pencegahan, boleh melayari laman sesawang <http://www.moh.gov.my> atau <http://h1n1.moh.gov.my> atau menghubungi hotline Kementerian Kesihatan di talian 03-88810200/0300.

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD. ISMAIL BIN MERICAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 15 Mei 2010

Lampiran 1

Senarai Laporan Kejadian Kluster *Influenza-Like Illness (ILI)* Yang Diterima Oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, Sehingga 8:00 Pagi Pada 15 Mei 2010

Bil.	Lokasi	Bil. terdedah	Bil. Kes ILI di dalam kluster	Keputusan Sampel Positif H1N1	Tindakan diambil
1.	Depot Tahanan Imigresen Tanah Merah, Kelantan	277 orang	9 orang	Masih menunggu keputusan	Pengasingan kes dilaksanakan. Kesemua kes diberi rawatan antiviral sebagai pesakit luar.
2.	Tabika Kg. Bongek, Rembau, Negeri Sembilan	28 orang	3 orang	Masih menunggu keputusan	Kesemua kes diberi rawatan simptomatik sebagai pesakit luar.
3.	Asrama Kilang Uniplaster, Chemor, Perak	29 orang	98 orang	Masih menunggu keputusan	Pengasingan kes dilaksanakan. Kesemua kes diberi rawatan simptomatik sebagai pesakit luar.
4.	SMK Jalan 3, Bandar Baru Bangi, Hulu Langat, Selangor	200 orang	7 orang	Masih menunggu keputusan	Semua kes dirawat sebagai pesakit luar. Satu (1) kes diberi rawatan anti viral dan selebihnya diberikan rawatan simptomatik.